



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENDENGARAN PERMOHONAN PETISYEN KEMASUKAN PEGUAMBELA DAN  
PEGUAMCARA SERTA PERMOHONAN PENGECAULIAN SEPARUH TEMPOH  
LATIHAN DALAM KAMAR PEGUAM DIDENGAR SECARA DALAM TALIAN**

Badan Kehakiman sekali lagi mengorak langkah dalam aspek penggunaan teknologi apabila Mahkamah Negeri Sabah telah mendengar Permohonan Pengecualian Separuh Tempoh Latihan Dalam Kamar secara dalam talian dan akan mendengar pendengaran Petisyen Kemasukan Peguambela dan Peguamcara secara dalam talian.

Permohonan Pengecualian Separuh Tempoh Latihan Dalam Kamar dibuat di bawah *Section 4(1B) (b) of the Advocates Ordinance (Sabah Cap. 2)* iaitu untuk memendekkan tempoh latihan dalam kamar di negeri Sabah. Permohonan Pengecualian ini telah didengar pada 9 Jun 2020 oleh YA Datuk Mairin bin Idang@ Martin, Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu di mahkamah terbuka manakala Pemohon dan Peguam Pemohon berada di pejabat mereka di Sandakan. Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu merupakan Mahkamah pertama di negara ini yang telah menjalankan prosiding tersebut secara dalam talian.

Sebelum ini, bagi pendengaran kes-kes secara dalam talian, Hakim atau Pegawai Kehakiman berada di Pejabat atau di rumah masing-masing, bagaimanapun buat pertama kalinya pendengaran tersebut dibuat di mahkamah terbuka. Dengan bantuan teknologi sedia ada di dalam bilik bicara mahkamah iaitu *Court Recording and Transcription (CRT)*, Peguam yang berada di Sandakan dapat melihat keseluruhan sudut pandang di dalam bilik bicara Mahkamah secara langsung. Turut berada di Mahkamah

terbuka semasa pendengaran tersebut ialah Encik Roger Chin, Presiden Pertubuhan Undang-Undang Sabah yang mewakili pertubuhan tersebut dan Puan Dulce Majawit yang mewakili Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah.

Selain permohonan pengecualian tersebut, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu juga akan mendengar tiga Petisyen Kemasukan Peguambela dan Peguamcara dari Tawau menerusi aplikasi Sidang Video sedia ada dan 7 Petisyen yang difailkan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 10 Jun 2020. Ini merupakan pertama kali dalam sejarah negara apabila pendengaran Petisyen seumpamanya didengar secara dalam talian kerana secara lazimnya pendengaran petisyen tersebut akan didengar di mahkamah terbuka.

Terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 10 Jun 2020**